

25 JUL 2002

Mahathir-Keganasan

RUSUHAN BERLAKU JIKA KEMPEN CARA GANAS DIBIARKAN, KATA MAHATHIR

PASIR GUDANG, 25 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rusuhan semasa pilihan raya mungkin berlaku jika cara berkempen yang melampau dan ganas oleh pihak pembangkang tidak ditangani segera.

Beliau berkata Majlis Tertinggi (MT) Umno, yang mengkaji laporan-laporan keganasan semasa kempen pilihan raya kecil Anak Bukit dan Pendang di Kedah baru-baru ini, mendapati adanya perbuatan yang sangat serius.

"Kalau aliran ini (cara kempen yang ganas) berterusan, saya khuatir akan berlaku rusuhan-rusuhan setiap kali adanya pilihan raya kecil dan pilihan raya umum," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Pelabuhan Johor Berhad di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai kuasa untuk menangani tindakan berkempen secara tidak beretika itu.

"SPR sekarang ini tidak ada kuasa melakukan penguatkuasaan, dia (SPR) tidak ada cara untuk menyekat gejala keganasan, sebab itu kita perlu menentukan peranan yang dimainkan oleh badan-badan keselamatan seperti polis," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno masih lagi menerima dan mengkaji laporan perbuatan ganas anggota-anggota PAS sebelum mengemukakannya kepada kerajaan.

Ditanya mengenai keupayaan Barisan Nasional (BN) untuk terus memerintah negara, Perdana Menteri berkata setakat ini kerajaan BN terbukti dapat mentadbir negara dengan baik.

"BN mempunyai kapasiti menerajui negara dengan baik, yang lain hanya bimbang tentang masyarakat mereka sahaja...jika mereka (parti pembangkang) berjaya, rakyat Malaysia pasti menderita," kata beliau.

Beliau berkata ada pihak-pihak tertentu yang tidak ingin melihat masyarakat Cina dan Melayu bersatu-padu dan hidup aman damai sebaliknya lebih suka melihat pergaduhan berlaku.

"Ada orang yang tidak suka melihat orang Melayu dan Cina rapat antara satu sama lain... orang Melayu tidak boleh berada dekat sekolah Cina dan pelajar Melayu dan Cina tidak boleh tinggal dalam asrama yang sama," kata beliau.

Dr Mahathir berkata senario sedemikian akan menjejaskan keselamatan negara di samping menyebabkan perpecahan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Menurutnya kerajaan mempunyai banyak perancangan bagi mengelak berlakunya perpecahan kaum di negara ini.

"Kita mesti saling bekerjasama dan harus sedar bahawa jika kita saling bergaduh mengenai isu-isu kecil, lama kelamaan kita yang akan rugi," kata beliau.

--BERNAMA

RAM NAK